

JABATAN KORPORAT

TARIKH: 12.12.2024 MASA: 05.30PM

MUKTAMAD



MAJLIS BANDARAYA SEBERANG PERAI

TEKS UCAPAN

**YANG BERBAHAGIA DATO' HAJI BADERUL AMIN BIN
ABDUL HAMID
DATUK BANDAR SEBERANG PERAI**

SEMPENA

**MAJLIS PERASMIAN PUSAT KITAR SEMULA
PASAR AWAM SRI BANDAR**

TARIKH / MASA / TEMPAT

**14 DISEMBER 2024 (SABTU)
10.00 PAGI**

**PASAR AWAM SRI BANDAR, BUTTERWORTH
SEBERANG PERAI UTARA**

Terima kasih Saudara/Saudari Pengacara Majlis

Yang Berhormat Tuan Lim Guan Eng

Mantan Ketua Menteri Pulau Pinang

Merangkap Ahli Parlimen Bagan

Yang Berhormat Tuan Kumaran Krishnan

ADUN Bagan Dalam

Yang Dihormati Whip Ahli Majlis dan Ahli-Ahli Majlis

Majlis Bandaraya Seberang Perai

Yang Berusaha Tuan Mohd Ibrahim Bin Md Nor

Setiausaha Bandaraya

Yang Berusaha Encik Ahmad Zabri Bin Mohamed Sarajudin

Pengarah Perkhidmatan Perbandaran Merangkap Penyelaras

Pusat Kitar Semula Pasar Awam Sri Bagan

Ketua-Ketua Jabatan dan Pegawai-Pegawai Kanan

Majlis Bandaraya Seberang Perai

Rakan-Rakan Media

Tuan-Tuan dan Puan-Puan yang dihormati sekalian

*******TAMAT*******

Bismillahir Rahmanir Rahim

Assalamu'alaikum Warahmatullahhi Wabarakatuh,

Selamat Pagi dan Salam Sejahtera,

1. Alhamdulillah, segala puji bagi Allah S.W.T. kerana dengan izin dan limpah kurnia-Nya, dapat kita berkumpul pada pagi ini dalam **Majlis Perasmian Pusat Kitar Semula Pasar Awam Sri Bandar**.
2. Sekalung penghargaan dan terima kasih kepada Yang Berhormat Tuan Lim Guan Eng, Ahli Parlimen Bagan kerana sudi melapangkan masa beliau untuk hadir merasmikan **Pusat Kitar Semula Pasar Awam Sri Bandar** ini.
3. Setinggi-tinggi penghargaan juga kepada semua Yang Berhormat Tuan Kumaran Krishnan, ADUN Bagan Dalam serta kepada semua hadirin yang turut hadir bagi menjayakan program ini pada hari ini.
4. Saya juga ingin merakamkan ucapan terima kasih dan setinggi-tinggi penghargaan kepada Encik G.K. Kumar, Pengurus MPKK Heng Choon Thian dan semua Ahli Jawatankuasa MPKK Heng Choon Thian yang telah berusaha bersungguh-sungguh untuk mewujudkan Pusat Kitar Semula di Pasar Awam Sri Bandar.
5. Program Perasmian Pusat Kitar Semula Pasar Awam Sri Bandar pada hari ini merupakan aktiviti yang menggalakkan usaha melestarikan alam sekitar, mendidik masyarakat tentang kepentingan kitar semula

serta memberi kesedaran bahawa sisa kitar semula adalah sesuatu yang berharga dan berpotensi menjana pendapatan.

6. Program ini bertujuan meningkatkan tahap kesedaran masyarakat tentang kepentingan pengasingan sisa di punca, di samping memperkenalkan kewujudan sangkar kitar semula kepada masyarakat, khususnya para penduduk di sekitar Pasar Awam Sri Bandar. Penempatan sangkar kitar semula di lokasi ini adalah strategik kerana ia merupakan kawasan tumpuan orang ramai.
7. Kitar semula merupakan satu konsep penjagaan, pemeliharaan dan pemuliharaan alam sekitar. Memandangkan jumlah sampah harian manusia semakin bertambah tahun demi tahun selari dengan pertambahan populasi, maka amalan kitar semula dilihat satu alternatif yang bagus untuk melambatkan penggunaan sumber-sumber semula jadi yang terdapat di sekeliling kita.
8. Untuk memastikan keberkesanan program kitar semula, MBSP menjalin kerjasama strategik dengan universiti, sekolah, NGO dan persatuan penduduk. Salah satu kaedah adalah dengan mewujudkan pusat-pusat kitar semula di kawasan-kawasan perumahan dan kampung di seluruh Seberang Perai. Sehingga ini terdapat 39 pusat kitar semula (termasuk Pusat Kitar Semula Pasar Awam Sri Bandar) di Seberang Perai iaitu 11 Pusat Kitar Semula di Seberang Perai

Utara, 20 Pusat Kitar Semula di Seberang Perai Tengah dan Japam (8)

Pusat Kitar Semula di Seberang Perai Selatan.

9. Sempena program ini, satu taklimat khusus mengenai pengasingan sisa di punca turut diadakan bagi memberi penerangan terperinci tentang kaedah pengasingan sisa di punca yang dilaksanakan di Negeri Pulau Pinang. Taklimat ini juga bertujuan menggariskan impak negatif kepada alam sekitar sekiranya amalan kitar semula tidak diterapkan dalam kehidupan seharian kita.
10. Saya menyeru semua yang hadir pada hari ini untuk bersama-sama menyahut seruan Kerajaan Negeri dan MBSP, dalam menggembungkan tenaga untuk menjayakan Program Kitar Semula di Seberang Perai. Marilah kita sama-sama mengikis sikap negatif bahawa program kitar semula ini hanya menyusahkan serta tidak memberikan apa-apa faedah. Ada juga yang beranggapan bahawa masalah sampah bukanlah tanggungjawab masyarakat. Marilah kita sama-sama menjadi satu masyarakat yang sangat prihatin terhadap kepentingan menjaga alam sekitar dan terlibat secara aktif dalam menjayakan program kitar semula.
11. Sebelum saya mengakhiri ucapan, saya merakamkan penghargaan dan ucapan ribuan terima kasih kepada semua yang bertungkus lumus bagi menjayakan Majlis Perasmian Pusat Kitar Semula Pasar

Awam Sri Bandar, terutamanya Yang Berhormat Tuan Lim Guan Eng,

Ahli Parlimen Bagan yang sudi merasmikan pusat kitar semula ini.

Sekian, terima kasih.

Wabillahi Taufik Wal Hidayah, Wassalamualaikum Warahmatullahi

Wabarakatuh.